



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
NEGERI MELAKA**

Aras 5, Menara Persekutuan  
Jalan Persekutuan, Ayer Keroh  
75450 Melaka

Tel:06-2895000  
Faks:06-2345201 / 5202 / 5207  
Web:http://portalpp.anm.my/melaka

Ruj. Kami : ANM(UPA)MEL/01 Jld.2 ( 9 )  
Tarikh : 18 November 2020  
Bersamaan : 02 Rabiulakhir 1442 Hijrah

**Semua Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)**

YBhg. Datuk/ Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PINDAAN TARIKH AKHIR PENYEDIAAN PENYATA PENYESUAIAN BAKI ASET ALIH**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada surat Jabatan ini berkaitan perkara di atas di dalam kandungan yang sama bertarikh 11 November 2020.

2. Dimaklumkan bahawa penyediaan Penyata Penyesuaian Baki Aset Alih (PPAA) perlu disediakan bagi memastikan transaksi rekod Aset Dipermodalkan di Sistem Pemantauan Pengurusan Aset (SPPA) juga dilaporkan di Sistem iGFMS. PPAA ini akan memudahkan PTJ mengambil tindakan pengemaskinian pada bulan berikutnya (sekiranya ada).
3. Sepertimana YBhg. Datuk/ Dato'/Datin/Tuan/Puan sedia maklum, PPAA ini akan diselaraskan oleh Bahagian Akaun (BA) Kementerian masing-masing dan dilaporkan kepada Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat & Agensi (BPOPA) bagi tujuan penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Malaysia.
4. Oleh itu, bagi memastikan PPAA disediakan mengikut kehendak yang sepatutnya, Jabatan ini mengambil inisiatif untuk menyemak terlebih dahulu templet PPAA yang disediakan oleh PTJ sebelum dikemukakan kepada BA Kementerian dan Jabatan ini.
5. Sehubungan itu, YBhg. Datuk/ Dato'/Datin/Tuan/Puan dipohon untuk merujuk dengan teliti di **Lampiran A** yang disertakan. Sukacita dimaklumkan bahawa tarikh akhir proses penghantaran PPAA yang lengkap adalah **selewat-lewatnya pada 27 November 2020 (Jumaat)** dan bukannya pada 23 November 2020 (Isnin) seperti yang disebutkan dalam surat terdahulu.

Kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/Datin/Tuan/Puan di dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

***"Pertingkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi"***

Saya yang menjalankan amanah,

**( SHABIBAH BINTI BACHOK C.A.(M), CPA(Aust) )**

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Melaka.

**Lampiran A**

**PENYEDIAAN PENYATA PENYESUAIAN BAKI ASET ALIH (PPAA) SEHINGGA  
31.10.2020**

<b>BIL</b>	<b>PROSES</b>	<b>TARIKH PROSES</b>	<b>TINDAKAN</b>
1	Buletin berkaitan penyediaan PPAA.	11.11.2020	JANM Melaka
2	Buletin pindaan tarikh penghantaran PPAA.	18.11.2020	JANM Melaka
3	<b>Pengisian templet PPAA iaitu Laporan Data Induk, Laporan Baki Aset dan Laporan SPPA sahaja. *</b>	<b>16-23.11.2020</b>	<b>PTJ</b>
4	<b>Penghantaran templet draf PPAA melalui emel <a href="mailto:upa_mlk@anm.gov.my">upa_mlk@anm.gov.my</a> .</b>	<b>16-23.11.2020</b>	<b>PTJ</b>
5	Semakan templet dan draf PPAA yang disediakan dan emel semula ke PTJ untuk tindakan selanjutnya.	16-25.11.2020	JANM Melaka
6	<b>Pembetulan PPAA yang telah disemak oleh JANM Melaka.</b>	<b>25-27.11.2020</b>	<b>PTJ</b>
7	<b>Sediakan PPAA yang lengkap ditandatangani dan disahkan oleh Ketua PTJ.</b>	<b>25-27.11.2020</b>	<b>PTJ</b>
8	<b>Hantar satu(1) salinan dokumen PPAA (Penyata Penyesuaian, Lampiran A dan Lampiran B) ke JANM Melaka. (<i>hardcopy</i>)</b>	<b>25-27.11.2020</b>	<b>PTJ</b>
9	<b>Emel PPAA yang telah lengkap ke Bahagian Akaun Kementerian PTJ dan JANM Melaka (<a href="mailto:upa_mlk@anm.gov.my">upa_mlk@anm.gov.my</a>) .</b>	<b>25-27.11.2020</b>	<b>PTJ</b>

\*templet excel penyediaan PPAA boleh juga dimuat turun melalui pautan :

[http://www.anm.gov.my/images/JANM/AO/Melaka/02-](http://www.anm.gov.my/images/JANM/AO/Melaka/02-Berita/2020/Lampiran_Template%20Penyesuaian%20Aset%20Alih%20SPPA%20iGFMAS.xlsx)

[Berita/2020/Lampiran\\_Template%20Penyesuaian%20Aset%20Alih%20SPPA%20iGFMAS.xlsx](http://www.anm.gov.my/images/JANM/AO/Melaka/02-Berita/2020/Lampiran_Template%20Penyesuaian%20Aset%20Alih%20SPPA%20iGFMAS.xlsx)